



Masih samar

Tawaran kerajaan bagi membeli tanah milik penduduk Kampung Baru

ANTARA kawasan Kampung Baru yang akan dinaik taraf.

Faliq Lajim
faliq.lajim@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Penduduk Kampung Baru masih samar mengenai tawaran kerajaan bagi membeli tanah milik mereka meskipun harga yang ditawarkan itu didakwa menarik.

Ketua Kampung, Kampung Hujung Pasir, Kampung Baru, Ahmad Kamarulzaman Yacob, 51, berkata, tawaran itu dibuat tanpa sebarang perbincangan bersama penduduk terlebih dahulu.

Menurutnya, setakat ini, penduduk masih belum membuat sebarang keputusan mengenai tawaran yang

diperkatakan itu. "Sekarang ini, kira-kira 50 peratus penduduk di sini, bersetuju dan 50 peratus lagi tidak bersetuju dengan tawaran yang diberikan itu atas pelbagai faktor.

"Kami bukan menolak pembangunan untuk dilakukan di Kampung Baru, cuma penduduk tidak tahu mengenai apa yang akan terjadi kepada mereka selepas tanah itu diambil.

"Tiada situasi menang-menang. Malah, kita sedia maklum, Kampung Baru ini terkenal dengan syurga makanan. Jadi apa akan terjadi kepada peniaga ini," katanya ketika ditemui di Kampung Baru, di sini, semalam.

Katanya lagi, sehubungan itu, satu mesyuarat akan diadakan dalam masa terdekat

bagi membincangkan perkara itu bersama wakil penduduk di setiap tujuh kampung yang ada di Kampung Baru ini.

"Di situ, penduduk akan meluahkan kesan, implikasi dan sebagainya mengenai tawaran itu.

"Intipati dalam mesyuarat itu kemudiannya akan dibawa ke sesi town hall di Dewan Perdana Felda pada 21 September ini yang akan dihadiri Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Setiausaha Persatuan Komuniti Sungai Baru, Kampung Baru, Nur Dzulfafian Idris, 45, berkata, tiada sebarang keputusan sama ada penduduk di sini menerima tawaran yang diberikan itu.

"Kami tidak tahu bagaima-

“ Kami bukan menolak pembangunan untuk dilakukan di Kampung Baru, cuma penduduk tidak tahu mengenai apa yang akan terjadi kepada mereka selepas tanah itu diambil.”

Ahmad Kamarulzaman Yacob

na bentuk tawaran itu sebab ia belum dibincangkan lagi dengan satu kata putus. Apa yang kami harap ia memberikan situasi menang-menang kepada penduduk," katanya.

Seremban

Dua kilang operasi tak berlesen

Risikannya dua minggu yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan membongkar kegiatan dua kilang dekat Jalan Jelebu, di sini yang beroperasi tanpa lesen.

Bukan itu sahaja, operasi kilang itu menyebabkan pencemaran udara, sekaligus menjejaskan kehidupan penduduk setempat.

Malah, kedudukannya yang agak tersorok iaitu kira-kira 300 meter dari jalan utama juga menimbulkan kecurigaan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, operasi selama dua jam yang dijalankan JAS Negeri Sembilan bersama Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai dan SWCorp, semalam, seolah-olah dapat dihidu apabila kilang berkenaan tidak beroperasi.

Selain itu, kawasan berkenaan juga kelihatan lengang.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, serbuan di kilang pertama mendapati ia menjalankan proses peleburan tirnang yang menggunakan arang batu sebagai bahan api, namun asap daripada arang batu berkenaan menyebabkan pencemaran udara.

"Semakan mendapati kilang berkenaan tidak mempunyai sebarang lesen dan beroperasi di atas tanah berstatus pertanian," katanya ketika ditemui selepas operasi berkenaan.

Veerapan berkata, serbuan di kilang kedua turut mendapati kilang berkenaan tidak beroperasi dan lenggang tanpa pekerja.